

Cendol Songkok Tinggi pilihan PM

SEREMBAN: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim semalam singgah untuk menikmati cendol di gerai Cendol Songkok Tinggi, Kampung Jiboi Baru di sini sebelum menunaikan solat Jumaat di Masjid Dato' Klana Petra Lela Mohd. Yusof, Sikamat.

Anwar yang memakai baju Melayu berwarna hijau lembut dan diiringi Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Aminuddin Harun tiba pada pukul 12.35 tengah hari dan disambut meriah oleh penduduk sekitar.

Selain cendol, beliau juga menikmati menu pilihan di kedai tersebut iaitu laksa Johor dan kuih-muih.

Pengusaha Cendol Songkok Tinggi, Ahmad Dani Daud, 42, berkata, beliau teruja menerima kunjungan Anwar yang merupakan Perdana Menteri pertama datang ke menikmati cendol di gerainya.

Cendol Songkok Tinggi menawarkan 12 jenis cendol. Ia



ANWAR Ibrahim bergambar dan beramah mesra bersama penduduk ketika singgah untuk menikmati cendol di gerai Cendol Songkok Tinggi Kampung Jiboi Baru, Ampangan sebelum menunaikan solat Jumaat di Sikamat. Seremban, semalam. - UTUSAN/MOHD. SHAHJEHAN MAAMIN

bermula dengan beroperasi secara katering pada 2010 sebelum membuka gerai tetap pada

2017.

“Mula-mula kita buka secara suka-suka bagi mengisi masa

lapang sebelum ia menjadi sebutan mulut ke mulut,” kata Ahmad Dani.